

11/03/1997

Pelan usahawan belia dikemuka 17 Mac

KUALA LUMPUR, Isnin - Kementerian Belia dan Sukan akan mengemukakan pelan pembangunan usahawan belia dalam mesyuarat khas mewujudkan golongan menengah Bumiputera, 17 Mac depan.

Menterinya, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, berkata antara kandungan pelan itu ialah Tabung Pembangunan Usahawan untuk belia sedia ada dan merancang mendapatkan peruntukan tambahan kepada RM100 juta.

"Tabung ini akan kita lancarkan semula dengan mengadakan pusat latihan komputer, memberi peluang francais baru, sub kontraktor dan perluaskan program vendor yang sedia ada untuk belia," katanya di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai mesyuarat berkenaan yang akan membabitkan enam kementerian dalam merangka program bersepadu melahirkan lebih ramai golongan menengah Bumiputera yang dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kementerian terbabit ialah Kementerian Pembangunan Usahawan selaku urusetia, Kementerian Kewangan, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Pendidikan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad juga Presiden Umno, melahirkan kebimbangan parti itu mengenai golongan menengah Bumiputera yang kecil dan tidak seimbang berbanding kaum lain.

Muhyiddin berkata, kementerianya juga akan meningkatkan kerjasama dengan dewan perniagaan supaya dapat memberi bantuan susulan bagi memastikan setiap projek di bawah program itu berjalan baik.

Selain itu, beliau akan membenteng semua program berkaitan seperti program teknikal dan vokasional, latihan kemahiran yang telah dijalan atau ditubuhkan sebelum ini.

(END)